



Pelajar dinasihat patuhi arahan universiti, utamakan keselamatan

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH 1447H | 01-07 MEI 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Exco Agama seru anjur hiburan berteraskan nilai masyarakat

Tegas berpendirian, elak fitnah teras penulisan media profesional - YB Nik Bahrum

TVET pelajar tahfiz jadi keutamaan kerajaan negeri

## Bekerja ikhlas dan amanah ibadah di jalan Allah — MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 2 Mei** — Setiap pekerjaan yang dilaksanakan dengan keikhlasan dan amanah dikira sebagai ibadah di jalan Allah, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau berkata, prinsip tersebut bertepatan dengan hadis riwayat al-Tabarani yang menegaskan usaha mencari rezeki untuk menyara keluarga, ibu bapa serta menjaga kehormatan diri turut dikira sebagai amalan di jalan Allah.

Menurutnya, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud

“Jika dia keluar berusaha untuk menyara anak-anaknya yang masih kecil, maka dia berada di jalan Allah. Jika dia keluar berusaha untuk menyara kedua ibu bapanya yang telah tua, maka dia juga berada di jalan Allah. Jika dia keluar berusaha untuk menyara dirinya sendiri agar menjaga kehormatan, maka dia juga berada di jalan Allah.”

Sehubungan itu, beliau menyeru semua golongan pekerja termasuk sektor awam dan swasta, peniaga dalam talian, pemandu e-hailing, penghantar makanan, petani serta atlet agar melaksanakan tanggung-



jawab dengan penuh keikhlasan dan integriti demi meraih keredaan Allah.

“Semoga setiap usaha dan titik peluh yang dicurahkan bukan sahaja memberi manfaat di dunia, malah menjadi amal soleh yang diberkati serta mendapat ganjaran di akhirat,” katanya menerusi media sosial sempena Sambutan Hari Pekerja, pada Jumaat.

Di samping itu, beliau juga menegaskan sambutan Hari Pekerja merupakan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para pekerja dalam membangunkan negara.

Sementara itu, Exco Pamban-

ngan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud mengingatkan pekerja agar sentiasa berpegang kepada integriti dan tidak terpengaruh dengan unsur negatif dalam pekerjaan.

Katanya, cabaran dan godaan duniawi tidak seharusnya menggugat prinsip, sebaliknya perlu dihadapi dengan iman dan takwa yang kukuh.

“Hati yang teguh dengan iman akan melahirkan pekerja berintegriti dan memberi impak maksimum dalam melaksanakan tanggungjawab,” tegasnya.


“

Jika dia keluar berusaha untuk menyara anak-anaknya yang masih kecil, maka dia berada di jalan Allah. Jika dia keluar berusaha untuk menyara kedua ibu bapanya yang telah tua, maka dia juga berada di jalan Allah. Jika dia keluar berusaha untuk menyara dirinya sendiri agar menjaga kehormatan, maka dia juga berada di jalan Allah.”

Beliau turut menasihatkan agar setiap individu memastikan sumber rezeki yang diperoleh adalah halal serta menjauhi perkara haram, syubhah dan memudaratkan.

Dalam masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang berkhidmat demi agama, bangsa dan negara, khususnya petugas di Kota Darulnaim serta Pusat Khidmat Dewan Negeri (PKD) Demit.

“Bekerjalah dengan niat kerana Allah dan demi manfaat masyarakat. Setiap usaha akan dinilai dan diberi ganjaran yang setimpal,” katanya.



# Pelajar dinasihat patuhi arahan universiti, utamakan keselamatan



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 6 Mei** – Para pelajar dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran universiti atau institusi masing-masing, demi memastikan keselamatan diri sentiasa terjamin.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli

Dato' Hassan berkata, pelajar perlu mengutamakan keselamatan dalam setiap keadaan dan mengelakkan daripada terlibat dalam situasi yang boleh mendatangkan risiko.

“Kita nasihatkan kepada anak-anak yang belajar supaya sentiasa ikut arahan daripada pihak universiti ataupun institusi, dan pastikan supaya kita sentiasa berada dalam

keadaan selamat,” katanya kepada media selepas mesyuarat Exco, di Mabna Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, hari ini.

Beliau turut menegaskan agar pelajar mengurangkan aktiviti keluar, khususnya dalam masa dan situasi yang tidak sesuai.

“Kalau boleh, tidak keluar teru-

tamanya keluar dengan yang bukan mahram. Bukan sahaja haram di sisi agama tetapi juga boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan sebagaimana yang telah berlaku baru-baru ini,” pesannya.

Mengulas kejadian yang menimpa pelajar KPTM Kota Bharu baru-baru ini, beliau menyerahkan kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan bagi mengenal pasti kejadian sebenar serta mengambil tindakan yang sewajarnya.

“Kita minta pihak berkuasa untuk menyiasat apa sebenarnya berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya,” jelasnya.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri turut menzahirkan rasa simpati terhadap keluarga mangsa yang terlibat dalam kejadian tersebut.



# Exco Agama seru anjur hiburan berteraskan nilai masyarakat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 3 Mei** — Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan keperluan penganjuran hiburan yang berteraskan nilai, beradab dan selaras dengan jati diri masyarakat Malaysia bagi memelihara kesopanan serta keharmonian sosial.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, kecenderungan ke arah hiburan melampau serta budaya percampuran bebas bukan mencerminkan identiti sebenar masyarakat negara ini, malah bertentangan dengan norma dan pegangan yang dipelihara sekian lama.

Menurutnya, trend penganjuran program berunsur hedonisme, khususnya yang melibatkan percampuran bebas secara terbuka, menimbulkan kebimbangan kerana berpotensi merosakkan akhlak serta mencetuskan perlakuan di luar batas.

“Hiburan bukan sesuatu yang dilarang, namun ia mesti dipandu dengan nilai, adab dan batas yang jelas. Aktiviti berhibur tanpa kawalan, lebih-lebih lagi dalam suasana terbuka, boleh merangsang kecenderungan negatif dan menjejaskan keharmonian masyarakat,”



katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Beliau mengulas penganjuran program hiburan yang dilihat tidak selari dengan nilai tempatan termasuk acara berunsur kebebasan melampau yang dikaitkan dengan pengaruh budaya luar.

Tambahnya, usaha menjadikan elemen percampuran bebas sebagai tarikan pelancongan adalah tidak wajar, khususnya jika melibatkan penganjuran oleh agensi kerajaan kerana boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap dasar dan pendirian negara.

Dalam pada itu, beliau menegaskan prinsip kesopanan dan kesusilaan yang termaktub dalam Rukun Negara perlu dijadikan panduan dalam setiap aspek kehidupan termasuk penganjuran hiburan.

“Malaysia sebagai negara berbilang kaum mempunyai sensitiviti dan garis sempadan nilai yang perlu dihormati. Setiap program yang dianjurkan, khususnya oleh pihak kerajaan, perlu mengambil kira perkara ini agar tidak mencetuskan polemik atau menggugat keharmonian masyarakat,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan Kerajaan Negeri Kelantan telah menggubal Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Kelantan) 2025 sebagai mekanisme kawalan yang komprehensif.

Katanya lagi, RUU tersebut bertujuan memastikan semua bentuk hiburan dianjurkan dalam kerangka terkawal, sekali gus membendung aktiviti melampau serta yang bercanggah dengan nilai masyarakat.

akat.

“RUU ini menjadi benteng penting dalam memastikan setiap bentuk hiburan mematuhi garis panduan ditetapkan, di samping memupuk budaya hiburan yang sihat dan beretika,” jelasnya.

Beliau turut menyeru pendekatan tersebut diberi perhatian oleh negeri lain serta Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh dasar dan garis panduan berkaitan kawalan hiburan.

“Usaha menarik pelancong tidak seharusnya mengorbankan nilai dan identiti masyarakat.

Pembangunan sektor pelancongan perlu bergerak seiring dengan pemeliharaan adab dan keharmonian agar manfaat yang dicapai bukan sahaja bersifat ekonomi, tetapi juga sosial,” katanya.



# Dua tokoh Kelantan harumkan nama negeri di peringkat kebangsaan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 3 Mei** – Dua anak Kelantan terus mengharumkan nama negeri apabila masing-masing menerima pengiktirafan berprestij di peringkat kebangsaan dan Istana Negara.

Imam Besar Negeri Kelantan Dr Muhammad Hana Pizi Abdullah menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) sempena sambutan Hari Pekerja 2026, yang disampaikan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, di Unifi Arena, Bukit Jalil, pada Jumaat.

Beliau yang juga Pegawai Hal Ehwal Agama Islam di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah berkhidmat sebagai imam sejak 2003.

Dr Hana Pizi berkelulusan dalam bidang qiraat dari Universiti Al-Azhar, selain memiliki Sarjana Usuluddin dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Selain aktif dalam bidang pendidikan dan akademik di peringkat



kat antarabangsa, beliau turut menyumbang sebagai penulis, hakim tilawah serta anggota Lajnah Tashih Mushaf.

Sumbangan beliau dilihat signifikan dalam memartabatkan syiar Islam melalui dakwah, pemeliharaan al-Quran dan pembangunan institusi agama.

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Ugama (Arab) Tarbiah Islamiah, Kampung Lepah Selising, Pasir Puteh Nur Fadzilah Aulia Md Fadzil mencipta kecemerlangan apabila dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan selepas mencatat keputu-

san cemerlang dalam Sijil Pelajar Malaysia (SPM) 2025.

Lebih membanggakan, beliau menerima anugerah berprestij itu daripada Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah di Istana Negara pada Khamis lalu.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud merakamkan ucapan tahniah kepada kedua-dua tokoh berkenaan atas pencapaian membanggakan itu.

"Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada seluruh masyarakat untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan," katanya menerusi

media sosial, pada Sabtu.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat pula berkata kejayaan Nur Fadzilah mencerminkan kecemerlangan sistem pendidikan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam melahirkan generasi rabbani yang unggul.

"Diharapkan pencapaian ini menjadi pemangkin kepada seluruh warga YIK untuk terus memperkukuh budaya kecemerlangan serta melahirkan lebih ramai pelajar yang mampu mengharumkan nama negeri, agama dan negara," katanya dalam media sosial, semalam.

## Jumaat Hari Ilmu, legasi Tok Guru dilestari - MB Kelantan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 3 Mei** — Pengisytiharan Jumaat sebagai Hari Ilmu yang diasaskan Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat terus dizahirkan melalui kehadiran konsisten rakyat ke Medan Ilmu bagi mengikuti Kuliah Pagi Jumaat, sekali gus

mengekalkan tradisi keilmuan sebagai identiti negeri Kelantan.

Program mingguan itu menyaksikan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat yang membanjiri Medan Ilmu bagi mendalami pengisian rohani dan memperkukuh kefahaman agama.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Dato'

Mohd Nassuruddin Daud berkata, Hari Ilmu merupakan kesinambungan legasi keilmuan yang membentuk jati diri masyarakat.

"Hari Ilmu ini diperkenalkan bagi menggalakkan rakyat mendalami ilmu agama secara konsisten. Ia adalah usaha berterusan kita dalam membina sebuah masyarakat yang bukan sahaja berilmu, malah

memiliki akhlak yang tinggi berteraskan nilai-nilai Islam," katanya dalam media sosial selepas menyampaikan kuliah pada slot kedua di Medan Ilmu, Jumaat lalu.

Menurutnya, amalan menuntut ilmu pada setiap pagi Jumaat selari dengan dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi teras pentadbiran kerajaan negeri, yang menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pengisian rohani.

Beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap komitmen rakyat yang terus istiqamah menghadiri kuliah serta menyifatkannya sebagai kekuatan utama dalam membina masyarakat berilmu.

"Semoga amalan menuntut ilmu ini terus mekar dalam sanubari setiap anak watan Kelantan. Kita mahu membentuk kehidupan yang bukan sahaja sejahtera secara material, tetapi yang paling utama adalah kehidupan yang diredhai oleh Allah SWT," ujarnya.

# Dua exco Kelantan terima diploma TVET

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM, 3 Mei** — Dua Exco Kerajaan Negeri Kelantan menerima pengiktirafan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap Lima dalam bidang Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia sempena Majlis Konvokesyen The TVET Champions 2026, sekali gus mengukuhkan peranan kepimpinan negeri dalam pembangunan modal insan dan industri berkemahiran tinggi.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail serta Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat merupakan antara 140 penerima yang diraikan dalam majlis anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia di bawah Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), Khamis lalu.

Menurut Dato' Tuan Mohd



Saripudin, pengiktirafan tersebut mencerminkan komitmen berterusan kepimpinan negeri dalam memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemacu utama ekonomi.

“Pengiktirafan ini merupakan satu amanah besar untuk terus memperkukuh peranan pemimpin industri dalam merencanakan pembangunan ekonomi negeri melalui tenaga kerja berkemahiran tinggi,” katanya dalam kenyataan media pada 30 April.

Beliau berkata, penekanan terhadap aspek “succession planning” atau perancangan pelapis kepimpinan yang diketengahkan dalam majlis tersebut turut menjadi elemen penting bagi memastikan kesinambungan organisasi dan kelestarian prestasi jangka panjang.

Majlis konvokesyen berkenaan disempurnakan Timbalan Menteri Sumber Manusia YB Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan di sebuah hotel di Putrajaya, pada 30 April.

Turut menerima pengiktira-



fan tersebut ialah Pengurus Besar Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) Mukhlis Mukhtar.

Mengulas lanjut, Dato' Tuan Mohd Saripudin berharap pengiktirafan itu dapat menjadi pemangkin kepada lebih ramai pemimpin dan pemain industri untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan TVET.

“Semoga ia menjadi dorongan untuk terus melahirkan generasi berkemahiran tinggi serta memperkukuh daya saing negeri dalam pelbagai sektor,” ujarnya.

## Sidang Khas Parlimen segera diminta lindungi Misi Kemanusiaan Malaysia - YB Abdul Latiff



Oleh: Norzana Razaly

**KUALA LUMPUR, 1 Mei** — Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman mendesak kerajaan Malaysia agar memanggil Sidang Khas Parlimen dalam kadar segera bagi membincangkan mekanisme perlindungan diplomatik terhadap aset serta warga Malaysia yang terlibat dalam misi kemanusiaan di perairan antarabangsa.

Beliau yang juga Ahli Kaukus Palestin Parlimen Malaysia serta Ahli The League of Parliamentarians for Al-Quds & Palestine berkata, tindakan itu penting susulan

insiden yang menimpa peserta misi Global Sumud Flotilla (GSF 2.0) yang disifatkan sebagai pencabulan serius terhadap undang-undang antarabangsa.

“Parlimen Malaysia perlu menegaskan bahawa sebarang serangan ke atas misi kemanusiaan awam adalah serangan ke atas nilai kemanusiaan sejagat yang didukung oleh Malaysia.

“Saya menuntut agar Malaysia menerajui gerakan di peringkat OIC dan PBB untuk mengenakan sekatan ekonomi dan diplomatik total terhadap rejim yang tidak menghormati kedaulatan



undang-undang antarabangsa,” tegasnya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, tindakan menghalang kapal sukarelawan di laut antarabangsa merupakan pelanggaran terhadap Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCLOS) dan boleh disifatkan sebagai ancaman terhadap keselamatan misi kemanusiaan awam.

Katanya lagi, misi GSF 2.0 yang melibatkan kira-kira 1,000 peserta dengan hampir 100 kapal, termasuk penyertaan sukarelawan dari Malaysia, kini berdepan risiko

keselamatan yang membimbangkan.

“Dunia tidak boleh terus membiu apabila misi kemanusiaan ini berdepan ancaman nyawa. Setiap inci hak sukarelawan mesti dikembalikan dan sebarang penahanan haram perlu dibebaskan tanpa syarat,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau turut mengkritik kelembapan badan antarabangsa dalam menjamin laluan selamat kepada delegasi awam.

“Jika undang-undang antarabangsa tidak lagi mampu melindungi mereka yang membawa makanan, ubat-ubatan dan sukarelawan tanpa senjata, maka undang-undang tersebut telah hilang fungsinya,” ujarnya.

Beliau yang menyertai delegasi Ahli Parlimen Malaysia ke Kongres Sumud Global di Brussels pada 22 April lalu, turut menegaskan bahawa kegagalan bertindak akan membuka ruang kepada penguasaan “undang-undang rimba” di perairan antarabangsa, sekali gus mengancam prinsip kemanusiaan sejagat.

# Tegas berpendirian, elak fitnah teras penulisan media profesional - YB Nik Bahrum

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM, 5 Mei** – Prinsip tegas dalam penulisan tanpa terjerumus ke kancan fitnah menjadi garis pemisah utama antara kewartawanan beretika dan penyebaran maklumat yang mencemarkan reputasi.

Demikian penegasan Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah ketika merasmikan Bengkel Penulisan Efektif Era Digital di Dewan Teratai Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa penulis boleh berpendirian dan bersikap tegas dalam menyampaikan pandangan, namun tidak sekali-kali boleh mengabaikan batas kebenaran sehingga menghasilkan tulisan berunsur fitnah.

“Secara mudah, sesuatu tulisan boleh menjadi fitnah dalam tiga keadaan. Pertama, apabila kandungannya tidak benar dan tidak dapat disahkan. Kedua, apabila ia merujuk kepada individu tertentu sama ada secara jelas atau melalui bayangan (innuendo) dan ketiga, apabila tulisan itu disebar sehingga menjatuhkan maruah atau reputasi pihak berkenaan,” jelasnya.

Menurutnya lagi, kefahaman terhadap garis halus tersebut amat



penting dalam era media digital yang pantas dan terbuka, bagi memastikan setiap kandungan yang dihasilkan kekal berintegriti serta tidak menyimpang daripada etika kewartawanan.

Dalam masa sama, beliau yang mengikuti bengkel tersebut dari awal bersetuju bahawa penulisan berita yang menggabungkan unsur kemanusiaan serta disiplin 5W1H perlu diperkasa agar setiap peristiwa dirakam secara tepat, berfakta dan memberi nilai kepada masyarakat.

“Ketika menulis, kita menyusun ayat dan memikul amanah untuk menyampaikan kebenaran, menjelaskan fakta dan membentuk cara fikir masyarakat,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menekankan kepentingan disiplin penulisan termasuk keperluan menyemak fakta, membezakan antara maklumat dan andaian serta mengelakkan emosi berlebihan

daripada mempengaruhi kandungan berita.

Beliau turut menyentuh peranan kecerdasan buatan (AI) sebagai alat sokongan dalam dunia penulisan moden, dengan syarat penggunaannya dikawal secara beretika.

“AI bukan pengganti kepada penulis, sebaliknya alat untuk memudahkan kerja. Dengan prompt (arahan) yang jelas, AI mampu membantu menghasilkan penulisan yang lebih tersusun dan menarik,” ujarnya.

Beliau berharap inisiatif UPKN itu dapat melahirkan penulis yang mahir dan bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat secara beretika, menarik dan berwibawa, seterusnya memperkukuh peranan media sebagai pencatat sejarah yang dipercayai.

Bengkel anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu menampilkan Mantan Pengarang Mingguan

“Ketika menulis, kita menyusun ayat dan memikul amanah untuk menyampaikan kebenaran, menjelaskan fakta dan membentuk cara fikir masyarakat,”


Malaysia Ku Seman Ku Hussain sebagai pembimbing.

Mengulas cabaran memulakan penulisan, Ku Seman berpandangan bahawa kebanyakan individu sebenarnya mempunyai kemampuan menulis, namun sering terhalang oleh kecenderungan berfikir secara berlebihan.

“Mulakan dengan satu idea, kemudian jawab persoalan asas iaitu apa, siapa, di mana, bila, mengapa dan bagaimana. Tulis dahulu secara ringkas seperti bertutur sebelum diperhalusi.

“Terokai teknik pemberitaan gaya baharu (new journalism) yang mementingkan elemen human interest barulah berita segar dan tidak kering,” jelasnya.

Bengkel tersebut disertai 87 penjawat awam pelbagai agensi, termasuk Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawawi dan Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff.



# Kelantan catat lebih 7,000 pengusaha ruminan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 5 Mei** — Kelantan merekodkan lebih 7,000 pengusaha ternakan ruminan melibatkan lembu, kerbau, kambing dan bebiri, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara penyumbang utama kepada industri ternakan negara.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, negeri ini mempunyai 4,825 pengusaha lembu dan kerbau serta 2,973 pengusaha kambing dan bebiri.

Menurutnya, jumlah tersebut membuktikan tahap penglibatan tinggi rakyat dalam sektor ternakan, di samping memperlihatkan kekuatan asas industri di peringkat akar umbi.

“Data ini menjadi indikator penting kepada kekuatan sebenar



industri ternakan di Kelantan. Dengan jumlah pengusaha yang besar, ia menunjukkan potensi luas untuk dimajukan secara lebih sistematik dan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Sesi Libat Urus Bancian Ternakan Ruminan Negeri Kelantan 2026 bagi Zon Pasir Puteh, Tumpat dan Machang di Dewan Serai Wangi, RTC FAMA, di sini, pada Isnin.

Mengulas lanjut, beliau berkata pelaksanaan Bancian Ternakan Ru-



minan Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung dari April hingga 30 Jun merupakan langkah strategik bagi meningkatkan ketepatan data sektor agromakanan.

Menurutnya, bancian tersebut melibatkan 642 penghulu di seluruh negeri yang berperanan sebagai pembanci lapangan bagi memastikan data dikumpul secara menyeluruh, tepat dan berintegriti.

“Data yang lengkap dan terkini membolehkan perancangan

pembangunan industri ternakan dilaksanakan secara lebih berfokus, termasuk dari aspek bantuan, pengurusan ladang serta kawalan penyakit ternakan,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan atas inisiatif penyelarasan teknikal bagi menjamin keseragaman dan ketepatan data bancian.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Yahasmida Yaacob.

# Ladang terbiar dipulih, kembali berhasil dengan sokongan kerajaan negeri



Oleh: Asri Hamat

**TUMPAT, 5 Mei** — Sebuah ladang pertanian berkelompok di Kampung Slow Teliar (Perupok), Wakaf Bharu yang sebelum ini terbiar kini kembali mengeluarkan hasil selepas dipulihkan menerusi sokongan kerajaan negeri, sekali gus menghidupkan semula aktiviti ekonomi setempat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkata, ladang yang pernah menjadi contoh dalam sektor pertanian setempat itu mengalami kemerosotan sebelum terbiar akibat

beberapa kekangan.

“Ladang ini suatu ketika dahulu cukup meriah dan menjadi contoh, namun atas beberapa sebab ia terbiar,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Menurutnya, usaha pemulihan digerakkan dengan membawa perhatian pihak berkaitan bagi mengenal pasti pendekatan terbaik untuk mengusahakan semula kawasan berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd

Saripudin Tuan Ismail tuurt diundang untuk meninjau keadaan sebenar ladang dan merangka langkah pemulihan.

“Sebelum ini, saya ada bawa YB Exco untuk melihat sendiri keadaan dan mencari jalan mengusahakannya kembali,” jelasnya.

Susulan lawatan tersebut, kerajaan negeri melalui portfolio pertanian telah meluluskan peruntukan bagi menyokong usaha menghidupkan semula ladang berkenaan.

Hasil kerjasama pelbagai pihak, kawasan yang sebelum ini terbiar kini diusahakan semula dengan

tanaman seperti tembikai dan jagung yang mula mengeluarkan hasil.

“Alhamdulillah, hari ini kita dapat melihat ladang ini kembali mengeluarkan hasil. Tanah yang dulunya terbiar kini sudah ditanam dan memberi pulangan,” katanya.

Beliau optimis perkembangan tersebut mencerminkan keberkesanan inisiatif pemulihan pertanian luar bandar yang mampu mengoptimumkan penggunaan tanah, bahkan membuka peluang ekonomi dan sumber pendapatan kepada penduduk setempat.



# TVET pelajar tahfiz jadi keutamaan kerajaan negeri

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 5 Mei** — Usaha memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam kalangan pelajar tahfiz akan terus diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi meluaskan laluan pendidikan kemahiran serta meningkatkan daya saing generasi muda.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata pendekatan itu bertujuan melahirkan pelajar tahfiz yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang agama, malah memiliki kemahiran teknikal yang diiktiraf.

“Insya Allah, kerajaan negeri akan terus komited dalam memperkukuhkan pendidikan Islam dan TVET supaya pelajar tahfiz mampu menyumbang kepada masyarakat serta pembangunan negeri,” katanya menerusi media sosial,



pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri sesi taklimat pelaksanaan pensijilan TVET di sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Pejabat Exco, Mabna, di sini.

Taklimat tersebut disampaikan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pensijilan Kompetensi (BPK), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Siti Hajar Nor yang men-

jelaskan proses, keperluan serta hala tuju pentauliah program TVET di institusi tahfiz.

Antara aspek yang diketengahkan termasuk standard pensijilan kemahiran, keperluan akreditasi serta penyelarasan kurikulum bagi memastikan program yang dilaksanakan memenuhi piawaian industri.

Turut hadir, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul

Abul Bakar, timbalan-timbalan pengarah YIK serta Pengarah Pusat Pembangunan Kemahiran KIAS (KIASDEC). Md Saifullah Abdullah.

Sesi tersebut turut melibatkan penyertaan beberapa institusi tahfiz termasuk Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lilbanat, Beta Hulu, SMU(A) At-Taqwa Felda Chiku 2 dan SMU (A) Darul Al-Saadah, Batu Mengkebang.

## 38 ahli pasukan IT dan penyelaras ICT DUN sertai lawatan Hub Digital Malaysia



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 6 Mei** – Sebanyak 38 peserta menyertai Program Lawatan ke Hub Digital Malaysia melibatkan Pasukan IT dan Penyelaras ICT DUN Kelantan bagi memperkukuh kefahaman terhadap teknologi baharu serta perkembangan ekonomi digital negara.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, program

tersebut memberi pendedahan secara langsung berkaitan fungsi infrastruktur digital dan aplikasi teknologi semasa dalam pelbagai sektor.

Menurutnya, peserta turut berpeluang mengenali teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), Big Data dan Internet of Things (IoT) selain melihat sendiri pembangunan ekosistem digital negara.

“Pendedahan secara langsung terhadap perkembangan teknologi semasa penting bagi memperkukuh

kefahaman serta kesiapsiagaan pasukan ICT dalam mendepani cabaran transformasi digital,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis pelepasan Program Lawatan ke Hub Digital Malaysia melibatkan Pasukan IT dan Penyelaras ICT DUN Kelantan di Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Program berlangsung selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Mei itu melibatkan beberapa lokasi utama termasuk CelcomDigi Hub di

Subang Jaya dan Digital Nasional Berhad (My5G Portal) di The Exchange TRX.

Dato' Wan Roslan memaklumkan bahawa lawatan tersebut turut menjadi platform memperkukuh jaringan profesional serta memperkasa pembangunan ICT dan agenda transformasi digital di Negeri Kelantan.

“Lokasi yang dipilih merupakan antara pusat pembangunan utama ekosistem digital dan teknologi 5G negara yang mampu memberi nilai tambah kepada peserta,” ujarnya.



# 17 pesakit kronik DUN Gaal terima bantuan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 6 Mei – Sebanyak 17 pesakit kronik di DUN Gaal menerima bantuan menerusi Majlis Penyampaian Bantuan Pesakit Kronik Fasa 1 sebagai usaha meringankan beban kos rawatan dan penjagaan golongan berdepan masalah kesihatan berpanjangan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Jaa'far berkata, penerima bantuan melibatkan pesakit kanser, darah tinggi, leukemia dan penyakit buah pinggang kronik.

Menurutnya, inisiatif kerajaan negeri itu mencerminkan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat khususnya pesakit yang memerlukan sokongan berterusan termasuk daripada ahli keluarga.

“Penyampaian Bantuan Pesakit



Kronik ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri untuk meringankan beban pesakit khususnya kepada ahli keluarga,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Sri Gaal, Pusat Khidmat DUN Gaal, di sini, hari ini.

Dalam majlis sama, sejumlah

38 petugas dan sukarelawan DUN Gaal turut menerima penghargaan sempena sambutan hari lahir bagi bulan Januari hingga April 2026.

Penerima terdiri daripada wakil petugas dan sukarelawan dari 20 mukim di kawasan DUN berkenaan.

YB Mohd Rodzi memaklumkan bahawa penghargaan tersebut adalah tanda terima kasih kepada



petugas dan sukarelawan yang memainkan peranan penting membantu kerajaan menyelesaikan isu rakyat di peringkat akar umbi.

“Sambutan dan penyampaian sumbangan hari lahir ini sebagai penghargaan kepada petugas dan sukarelawan di setiap mukim yang menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan rakyat,” jelasnya.

## MPKB-BRI, MOTAC bincang serlahkan identiti Kota Bharu bandar budaya



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 6 Mei – Majlis Perbandaran Kota Bharu–Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri Kelantan membincangkan langkah memperkukuh identiti Kota Bharu sebagai destinasi pelancongan berteraskan budaya, warisan dan nilai Islam bagi meningkatkan daya tarikan sektor pelancongan bandar itu.

Perbincangan tersebut berlangsung menerusi kunjungan

hormat delegasi MPKB-BRI ke Pejabat MOTAC Negeri Kelantan sebagai usaha memperkemas hala tuju pembangunan pelancongan bandar menjelang tahun 2026, pada Isnin.

Delegasi berkenaan diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Perpaduan Kaum dan Pelancongan MPKB-BRI Hasbi Hussin, diiringi Ahli Majlis MPKB-BRI Hareetaran Raman serta beberapa pegawai kanan majlis.

Menurut Hasbi, fokus utama perbincangan tertumpu kepada

strategi memperkasa identiti Kota Bharu sebagai bandar pelancongan yang menampilkan kekuatan budaya tempatan, warisan sejarah dan citra Bandar Raya Islam, di samping mengukuhkan produk pelancongan sedia ada agar lebih kompetitif serta relevan dengan kehendak pelancong semasa.

“MPKB-BRI memberi penekanan terhadap usaha memperkasa identiti Kota Bharu sebagai destinasi pelancongan yang berteraskan budaya, warisan dan nilai Islam, selain mengukuhkan produk pelancongan sedia ada agar lebih

kompetitif dan menarik,” katanya menerusi media sosial MPKB-BRI.

Beliau berkata, usaha tersebut penting bagi memastikan Kota Bharu terus kekal berdaya saing sebagai destinasi pilihan pelancong domestik dan antarabangsa.

Menurutnya lagi, sesi perbincangan bersama MOTAC Negeri Kelantan turut membuka ruang pertukaran pandangan mengenai cabaran semasa industri pelancongan termasuk keperluan pendekatan baharu dalam merencanakan semula sektor berkenaan sejajar perubahan ekonomi dan trend pelancongan global.

Dalam masa sama, beliau menzahirkan penghargaan kepada MOTAC Negeri Kelantan atas kerjasama dan perkongsian pandangan strategik yang disifatkan mampu memperkukuh sinergi antara agensi dalam memajukan sektor pelancongan negeri.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Pengarah Pengurusan Korporat MPKB-BRI Izuddin Ab. Rashid, Penolong Pengarah Pembangunan Korporat Mohamad Sazwan Mohd Sakri dan Penolong Pegawai Tadbir Pembangunan Korporat Zulkifli Yaacob.

# Kuasa, akhlak dan negara: Perlunya mukmin mahir mentadbir

Oleh: Norzana Razaly

Dalam wacana politik kontemporari, kuasa sering digambarkan sebagai alat neutral. Namun, kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan pada 1 Mei 2026 membuka semula perbahasan klasik dalam falsafah politik Islam: kuasa tidak pernah benar-benar neutral, bahkan sentiasa condong kepada nilai yang mendasari pemegangnya.

Dalam erti kata lain, kuasa itu seperti air - jernih jika bersih puncunya, keruh jika tercemar hulunya.

## Monopoli legitimasi

Kenyataan beliau, "...ini kerajaan kami, ikut suka kamilah...", yang dikaitkan dengan sikap elit politik, mencerminkan fenomena yang dalam disiplin sains politik disebut sebagai majoritarian absolutism iaitu kecenderungan pihak berkuasa memonopoli legitimasi hanya berasaskan kemenangan pilihan raya, tanpaimbangan etika atau semakimbang moral.


Dalam tradisi Islam, pendekatan ini bertentangan dengan konsep amanah. Firman Allah dalam Surah an-Nisa' (4:58) menegaskan: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil." Ayat ini mengikat kuasa dengan tanggungjawab moral, bukan sekadar mandat politik.

Seterusnya, Dato' Dr Mohamed Fadzli menyatakan: "Kuasa politik kalau diberikan kepada orang yang baik dan tinggi pekerti, maka nilai agama akan diutamakan." Pendapat beliau sejajar dengan konsep al-siyasah al-shar'iyah yang menetapkan kepemimpinan berfungsi sebagai alat untuk menegakkan maqasid syariah—memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Pemimpin ialah penjaga keseimbangan nilai bukannya hanya pentadbir teknokratik. Dalam konteks ini, hadis Nabi SAW menjadi sandaran: "Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancuran." (Riwayat al-Bukhari). Hadis ini adalah prinsip asas dalam teori legitimasi kepemimpinan Islam.

## Paradoks klasik

Namun, kenyataan beliau juga membawa dimensi kritikal - "Sekiranya orang baik menjauhkan diri dari politik, maka dengan mudah kuasa akan dipegang oleh orang yang tidak ada agama." - menyingkap paradoks klasik yang sering dibahaskan oleh sarjana seperti Al-Ghazali yang menyatakan bahawa menjauhkan diri daripada



kuasa atas alasan kesucian moral boleh membuka ruang kepada dominasi golongan yang tidak beretika.

Fenomena ini boleh dikaitkan dengan "elite capture" - kekosongan kepemimpinan bermoral diisi oleh aktor oportunis. Maka, penglibatan orang mukmin dalam politik adalah keperluan strategik bagi memastikan arah negara tidak terpesong.

Kenyataan Dato' Dr Fadzli yang lebih tajam, "...bahkan institusi agama negara sekalipun sudah tidak boleh berbuat apa-apa. Sekadar nasihat atau pendapat...", memperlihatkan kemungkinan berlakunya penyahinstitusian autoriti moral.

Apabila kuasa politik terpisah daripada nilai agama, institusi agama hanya tinggal simbol tanpa kuasa eksekutif. Dalam sejarah politik Islam, keadaan ini pernah dibimbangi oleh Ibn Taymiyyah yang menegaskan bahawa kekuasaan tanpa agama akan melahirkan kezaliman, manakala agama tanpa kekuasaan akan kehilangan keupayaan pelaksanaan.

## Ilustrasi empirikal

Contoh yang dibawakan Dato' Dr Mohamed Fadzli melalui pengalaman mantan Menteri Besar Kelantan almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menjadi ilustrasi empirikal yang signifikan.

Petikan beliau, "...berpuluh tahun saya mengajar di masjid bahawa arak itu haram... tapi bila saya ada sedikit kuasa... esoknya sudah tidak ada lagi kedai judi dan arak di Kelantan...", memperlihatkan transformasi daripada kuasa wacana kepada kuasa institusi.

Dakwah tanpa kuasa mungkin menyentuh hati, tetapi kuasa membentuk struktur sosial. Di sinilah letaknya hubungan antara agensi (individu) dan struktur (institusi) dalam membina masyarakat.

Namun, analisis kritis perlu juga mengakui bahawa penggunaan kuasa untuk menegakkan moral memerlukan kebijaksanaan dan keadilan agar tidak tergelincir menjadi autoritarianisme.

Islam sendiri menetapkan prinsip "la ikraha fid-din" (tiada paksaan dalam agama) sebagai garis panduan. Maka, kuasa perlu digunakan dalam kerangka hikmah, bukan paksaan.

## Pentingnya kemenangan

Kenyataan penutup beliau, "Itulah pentingnya kenapa kita mesti menang. Hebatkan kuasa", perlu difahami sebagai penegasan bahawa kuasa adalah instrumen strategik dalam menentukan arah peradaban bukannya sebagai glorifikasi kuasa semata-mata.

Dalam konteks semasa seperti isu Festival Muzik Air di Bukit Bintang anjuran Kerajaan Malaysia pada 30 April hingga 2 Mei 2026 sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 berlakunya pertembungan antara nilai budaya, hiburan dan moral agama sekali gus menjadi medan ujian sebenar kepada orientasi kuasa tersebut.

Kesimpulannya, kuasa ialah alat pentadbiran, tetapi lebih daripada itu kuasa ialah amanah yang membentuk wajah masyarakat. Tanpa kehadiran mukmin yang mahir mentadbir dalam struktur kuasa, nilai agama berisiko menjadi suara pinggiran.

# Potensi seni belia Tumpat wajar terus digilap – Dato' Wan Roslan

Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT, 4 Mei** – Potensi seni dalam kalangan belia di Tumpat wajar terus digilap dan diketengahkan agar mampu bersaing serta menyerlah di peringkat lebih tinggi.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, kejayaan kumpulan dikir barat tempatan dalam Pertandingan Dikir Barat RTM 2026 membuktikan bahawa anak muda di daerah itu mempunyai bakat besar yang mampu mengangkat seni warisan ke pentas nasional.

“Dengan kesungguhan, disiplin dan semangat kerja berpasukan, mereka berjaya mencipta kejayaan yang membanggakan. Ini menunjukkan potensi besar yang perlu terus dibimbing dan diperkasa,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata demikian selepas meraikan kejayaan Kumpulan Seruling Kasih dan Sri Kandi Tumpat



yang mencipta pencapaian cemerlang dalam pertandingan berskala nasional.

Dalam pertandingan berprestij yang berlangsung di Auditorium Seri Angkasa, Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 25 dan 26 April lalu, Sri Kandi Tumpat muncul johan kategori wanita dengan membawa pulang wang tunai RM25,000, manakala Seruling Kasih meraih gelaran naib johan kategori lelaki dengan hadiah RM20,000.

Sementara itu, Kumpulan Kala

Maharaja PKINK dinobatkan sebagai johan kategori lelaki dengan hadiah RM30,000, manakala Sri Andani muncul naib johan kategori wanita dengan membawa pulang RM15,000.

Dato' Wan Roslan turut menegaskan bahawa penganjuran pertandingan seumpama ini bukan sahaja memartabatkan seni warisan tradisional seperti dikir barat, bahkan menjadi platform penting dalam melahirkan bakat baharu khususnya dalam kalangan gener-



asi muda.

“Usaha berterusan perlu digerakkan bagi memastikan seni tradisional terus relevan dan diminati, di samping membuka lebih banyak ruang kepada belia untuk menonjolkan bakat mereka,” ujarnya.

Turut hadir, dalam majlis berkenaan ialah ADN Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan, pendikir terkenal Den Manjo serta penaja-penaja yang sentiasa menyokong pembangunan seni budaya tempatan.

## 300 rakyat Pulai Chondong terima manfaat Skim Beras Al-It'am



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**MACHANG, 4 Mei** – Sebanyak 300 penerima dari kawasan DUN Pulai Chondong menerima man-

faat melalui Majlis Penyampaian Bantuan Skim Manfaat Beras Al-It'am bagi bulan Mei dan Jun yang berlangsung di perkarangan Pusat Khidmat DUN Pulai Chondong,

Jumaat lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulai Chondong YB Azhar Salleh berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian usaha berterusan dalam

membantu meringankan beban rakyat, khususnya dalam menghadapi kos sara hidup semasa.

“Program kebajikan ini merupakan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara, tanpa mengira latar belakang. Menariknya, bantuan ini turut melibatkan penerima daripada pelbagai kaum termasuk masyarakat Cina, sekali gus menggambarkan semangat perpaduan dan keprihatinan menyeluruh.

“Syukur adalah salah satu hal yang mencukupi nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Sekiranya tiada syukur, maka datangnya sebesar manapun nikmat, nescaya sentiasa tidak mencukupi,” katanya ketika berucap dalam majlis tersebut.

Beliau turut menegaskan bahawa nilai kesyukuran perlu sentiasa disemai dalam kalangan masyarakat agar setiap bantuan dan nikmat yang diterima dapat dihargai dengan sebaiknya.

# Kelantan “nadi” anak perantau

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DAMANSARA, 4 Mei** — Kelantan perlu diletakkan sebagai keutamaan kerana negeri itu merupakan ‘nadi’ kepada setiap anak jatinya, kata Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud.

Menurutnya, anak Kelantan di perantauan mesti terus memelihara penyatuan serta mempererat hubungan mahabbah sebagai teras memperkukuh kecintaan terhadap negeri, selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

“Duduklah di Johor, Melaka, Negeri Sembilan atau di mana-mana sekalipun, apabila tiba masa untuk menunaikan tanggungjawab mengundi, kita perlu kembali kerana Kelantan adalah nadi kita,” se-runya.



Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan Tahunan Persatuan Anak-anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) Malaysia Kali Ke-20 di Nafas Function Hall, di sini, pada Sabtu.

Beliau turut memaklumkan, kerajaan negeri mahu anak Kelantan terus mengekalkan hubungan erat sesama mereka agar perpaduan

kekal utuh walau di mana berada.

Mengulas lanjut, beliau mengambil contoh kecintaan Nabi Muhammad SAW terhadap tanah kelahirannya, Mekah, sebagai simbol fitrah kasih terhadap tanah air meskipun baginda berhijrah.

Katanya, para ulama turut menegaskan bahawa kecintaan terhadap tempat kelahiran adalah sifat semula jadi yang perlu dipelihara.

“Justeru, kerajaan negeri berharap seluruh anak Kelantan di perantauan menjadikan ‘hubbul watan’ sebagai keutamaan dalam diri masing-masing,” katanya.

Mesyuarat tersebut dirasmikan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud dan menghimpunkan kira-kira 180 perwakilan mewakili 45 cawangan PERAKAN dari seluruh negara.



## Ubah cara fikir konsep ekonomi, kuasai kemahiran baharu – Dato’ Abdul Hadi



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 4 Mei** – Golongan belia disaran mengubah cara fikir terhadap konsep ekonomi serta memperkukuh penguasaan kemahiran baharu sebagai langkah penting untuk kekal berdaya saing dan menjadi peneraju pembangunan ekonomi negeri.

ADN Kuala Balah merangkap Pengerusi Sekretariat Ekonomi Negeri Kelantan YB Dato’ Abdul Hadi Awang Kechil berkata, perubahan pemikiran adalah asas penting dalam membina kekuatan ekonomi, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Menurutnya, ekonomi bukan sekadar soal peluang, tetapi melibatkan kebolehan mengurus keinginan yang tidak terhad dengan

sumber yang terhad seperti modal, tanah dan tenaga.

“Konsep ekonomi ialah menguruskan keinginan yang tidak terhad dengan sumber yang terhad. Namun keinginan itu perlu ada had. Kita kena ubah cara fikir bahawa tiada yang mustahil, tetapi kehendak kita mesti ada limit,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika sesi Dialog Ekonomi Anak Muda bersamanya di Pusat Belia Kelantan, Medan Usahawan, di sini, hari ini.

Tambahnya, kelemahan utama yang menyebabkan sesuatu masyarakat ketinggalan adalah kekurangan kemahiran, justeru beliau perlu berusaha memperluaskan diri dengan pelbagai kemahiran termasuk dalam bidang ekonomi digital.



“Kenapa kita kebelakang? Kerana kita tiada kemahiran. Orang yang tiada kemahiran akan kalah sampai bila-bila,” ujarnya.

Dato’ Abdul Hadi yang mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan kerajaan pernah berkhidmat di beberapa kementerian utama termasuk Kementerian Perdagangan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertahanan.

Beliau juga merupakan mantan Ketua Pengarah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) selama lapan tahun, sekali gus memberi nilai tambah kepada perkongsian kepada peserta dalam memahami pembangunan belia dan ekonomi secara menyeluruh.

Program tersebut menghimpunkan penyertaan Sekretariat

Kelantan Future Leaders Institute (KFLI), Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia Kelantan serta alumni Kohort Kelantan Future Leaders Academy (KFLA), sekali gus memperkukuh jaringan kepimpinan muda di negeri ini.

Dalam sesi dialog itu, para peserta turut membangkitkan pelbagai isu berkaitan ekonomi negeri termasuk potensi tanah terbiar yang belum dimanfaatkan sepenuhnya serta keperluan memperkasa sektor pertanian, penternakan dan agropelancongan.

Selain itu, beliau juga menekankan kepentingan kemahiran pemasaran digital sebagai antara cabang baharu yang mampu menjana pendapatan serta membantu meningkatkan hasil negeri.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan agar belia tidak terus berada dalam zon selesa, sebaliknya berani mengambil peranan sebagai penggerak utama ekonomi.

Beliau turut merakamkan penghargaan terhadap penganjuran program tersebut yang disifatkan sebagai satu platform strategik dalam membina ekosistem pembangunan belia yang lebih tersusun dan berimpak tinggi.

# Pembangunan kilang makanan ternakan diselaras

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 4 Mei** — Kerajaan Negeri Kelantan menggerakkan mesyuarat penyelarasan pembangunan kilang makanan ternakan sebagai langkah strategik memperkukuh rantaian bekalan industri ternakan negeri.

Exco Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail mempengerusikan mesyuarat tersebut dengan penyertaan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) serta East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), di Bilik Mesyuarat Pejabat Exco di Mabna, pada Ahad.

Menurutnya, pembangunan kilang tersebut penting bagi memastikan bekalan makanan ter-



nakan lebih stabil dan berkualiti, sekali gus membantu mengurangkan kos operasi penternak tempatan.

“Walaupun projek ini masih di peringkat perbincangan, ia diharap menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti sektor ternakan sekali gus mengangkat ekonomi agro negeri ke tahap lebih mampan,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau berkata, penyelarasan pelbagai agensi berkaitan menjadi kunci utama dalam merealisasikan projek berimpak tinggi itu agar dapat dilaksanakan secara terancang dan berkesan.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menerima kunjungan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Jabatan Pertanian Kelantan bagi membincangkan per-

anan wanita dalam memperkukuh sektor pertanian.

Tambahnya, pertemuan tersebut membuka ruang perkongsian idea dan pengalaman ke arah memperkasa jaringan serta kebajikan warga PUSPANITA.

“Semoga hubungan yang terjalin ini terus diperkasa demi menyokong pembangunan sektor pertanian yang lebih inklusif dan berdaya saing,” ujarnya.

## Skim Bina Usahawan bantu keluarga OKU berniaga



Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT, 4 Mei** – Keprihatinan terhadap nasib golongan kurang bernasib baik terus dizahirkan apabila Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah hadir menyampaikan bantuan kepada sebuah keluarga usahawan kecil di Jalan SMK Wakaf Bharu, di sini, Khamis lalu.

YB Mohd Rusli memaklumkan bahawa sumbangan berupa sebuah freezer dan kipas disalur-

kan di bawah Skim Bina Usahawan kepada pasangan suami isteri, Siti Salwani dan Yusmadi bagi menyokong perniagaan mereka.

Menurutnya, walaupun Yusmadi merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal, pasangan tersebut tetap cekal mengusahakan perniagaan kecil-kecilan menjual aiskrim 1 Malaysia serta makanan ringan di hadapan rumah demi menyara enam orang anak.

“Semangat keluarga ini sangat menyentuh hati dan wajar dibantu.

Mereka tidak pernah mengalah walaupun berdepan kekangan fizikal dan cabaran hidup,” katanya menerusi media sosial pada Khamis lepas.

Beliau berharap sumbangan yang diberikan itu dapat memberi sedikit kelegaan kepada keluarga berkenaan, di samping menjadi pemangkin untuk meningkatkan pendapatan serta mengembangkan lagi perniagaan mereka.

“Inisiatif seperti ini diharap

dapat terus menyokong golongan usahawan kecil agar mereka mampu berdikari dan memperbaiki taraf hidup keluarga,” ujarnya.

Untuk rekod, Program Skim Bina Usahawan merupakan antara inisiatif berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasa ekonomi rakyat, khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan mereka yang memerlukan sokongan tambahan untuk menjana pendapatan.



# Projek jalan, perparitan bernilai RM50,000 selesai isu di Kampung Keroh

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KUALA KRAI**, 4 Mei — Projek pembinaan jalan dan sistem perparitan di Kampung Keroh kini berada di peringkat akhir pelaksanaan hasil tindakan susulan berterusan serta kerjasama pelbagai pihak, dengan kos keseluruhan bernilai RM50,000.

Inisiatif tersebut dijangka menyelesaikan isu asas yang sekian lama dihadapi penduduk, khususnya masalah jalan berlubang dan air bertakung yang menjejaskan kehidupan harian.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, isu berkenaan telah diangkat sejak tahun lalu bagi mendapatkan perhatian serta peruntukan daripada kerajaan negeri.



“Alhamdulillah, pada minggu ini projek jalan dan perparitan di Kampung Keroh hampir siap sepenuhnya. Kita menjangkakan masalah jalan berlubang dan air bertakung yang sekian lama membelenggu penduduk akan dapat diselesaikan sepenuhnya,” katanya

menerusi hantaran di media sosial, hari ini.

Menurutnya, pelaksanaan projek tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan keperluan asas rakyat, khususnya melibatkan kemudahan infrastruktur yang

memberi kesan langsung kepada kesejahteraan komuniti.

“Terima kasih kepada kerajaan negeri atas kecaknaan dan keprihatinan dalam meluluskan peruntukan serta memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan,” ujarnya.

# 54 pelajar cemerlang DUN Meranti terima RM10,800

Oleh: Norzana Razaly

**PASIR MAS**, 1 Mei — Sebanyak 54 pelajar dari Dewan Negeri (DUN) Meranti yang mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2025 menerima sumbangan keseluruhan RM10,800 daripada Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Majlis penyampaian sumbangan secara sekali beri itu berlangsung di Madrasah Nassuruddin Pohon Buloh, semalam.

Daripada jumlah tersebut, 29 pelajar perempuan dan 25 pelajar lelaki masing-masing menerima RM200 sebagai tanda penghargaan atas pencapaian akademik mereka.

Menteri Besar Kelantan yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Meranti berkata, inisiatif itu bertujuan menghargai usaha pelajar yang berjaya serta memberi galakan kepada generasi muda untuk terus cemerlang dalam bidang pendidikan.

“Kita meraikan juga yang cemerlang di DUN Meranti walau-



pun kerajaan negeri sendiri telah memberikan sumbangan sekali beri sebelum ini,” katanya.

Beliau turut mengingatkan para penerima agar mensyukuri kemudahan pendidikan yang tersedia

serta memanfaatkannya sebaik mungkin.

“Sekarang banyak kemudahan telah tersedia, pelajar-pelajar mesti bersyukur dan memanfaatkan segala kemudahan yang ada pada

hari ini.

“Gunakan sebaik mungkin ilmu yang diperoleh kerana ilmu yang dimanfaatkan ke arah kebaikan akan mendatangkan ganjaran pahala,” pesannya.

# PERAKAN 'rumah berteduh' anak Kelantan di perantauan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 3 Mei** — Persatuan Anak-anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) disifatkan sebagai 'rumah berteduh' yang memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan serta kepentingan anak Kelantan di luar negeri, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau mengakui kekuatan PERAKAN terletak pada kesepaduan ahlinya yang berperanan saling melengkapi seperti komponen sebuah rumah.

"Setiap ahli memainkan peranan masing-masing—ada yang menjadi tiang, dinding, pintu dan atap—yang mengukuhkan lagi organisasi ini.

"Kita perlu berpakat menjaga dan saling membantu antara satu sama lain, khususnya dalam aspek kebajikan serta perkongsian maklumat berkaitan hal ehwal semasa negeri," katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Menurutnya, PERAKAN berpotensi terus berkembang sebagai jambatan yang menghubungkan



anak Kelantan di perantauan dengan kerajaan negeri.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada seluruh ahli PERAKAN dari seluruh negara yang menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan Mesyuarat Perwakilan Tahunan persatuan berkenaan.

"Tahniah kepada semua ahli yang hadir dan terus memainkan peranan di posisi masing-masing demi negeri Kelantan yang kita sayangi," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Mesyuarat Perwakilan Tahunan PERAKAN Malaysia Kali Ke-20 Tahun 2025 yang berlangsung di

Nafas Function Hall, Kota Daman-sara.

Untuk rekod, PERAKAN genap dua dekad penubuhannya sejak 2006, dengan usia tersebut diibaratkan sebagai organisasi matang yang terus bertenaga dalam menyantuni komuniti anak Kelantan di perantauan.

## Potongan bajet kesihatan dibimbangi jejas sistem - Dr Wan Martina



Oleh: Asri Hamat

**KUALA LUMPUR, 3 Mei** — Cadangan pemotongan bajet sektor kesihatan sebanyak RM5.45 bilion bagi tahun 2026 dibimbangi menjejaskan keupayaan sistem kesihatan negara yang sedang berdepan peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) serta keperluan pengurusan pasca-pandemik, termasuk usaha menaik taraf fasiliti usang khususnya di kawasan luar bandar.

Ahli Dewan Negara YB Sena-

tor Dr. Wan Martina Wan Yusoff berkata, langkah tersebut berpotensi memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perkhidmatan kesihatan awam.

"Sistem kesihatan negara kini sedang bergelut dengan peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) serta keperluan pengurusan pasca-pandemik.

"Pemotongan besar ini dikhuatiri akan menjejaskan usaha menaik taraf fasiliti kesihatan yang usang khususnya di kawasan luar bandar," katanya dalam satu kenyataan media, pada Khamis.

Tegasnya, walaupun kerajaan berdepan tekanan fiskal susulan krisis geopolitik global dan peningkatan kos tenaga, sektor kesihatan tidak seharusnya menjadi sasaran utama langkah penjimatan.

Menurutnya lagi, isu kekurangan doktor kontrak dan petugas

barisan hadapan masih belum diselesaikan sepenuhnya, sekali gus memerlukan peruntukan mencukupi bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan.

Jelasnya, pengurangan peruntukan operasi berisiko membantutkan usaha pengambilan kakitangan baharu serta meningkatkan beban tugas dan keletihan dalam kalangan petugas sedia ada.

Selain itu, beliau menjelaskan peningkatan kos ubatan dan teknologi perubatan turut menjadi cabaran utama yang perlu diberi perhatian dalam perancangan bajet.

"Pengurangan bajet hanya akan menyebabkan tempoh menunggu rawatan menjadi lebih panjang dan berpotensi meningkatkan kadar kematian yang boleh dicegah," jelasnya.

Beliau berpandangan, perbelanjaan dalam sektor kesihatan perlu

dilihat sebagai pelaburan jangka panjang yang memberi pulangan kepada kesejahteraan rakyat dan produktiviti negara.

Tambahnya, pemotongan peruntukan boleh meningkatkan kos yang terpaksa ditanggung sendiri oleh rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sehubungan itu, beliau menggesa Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan mengadakan libat urus menyeluruh bagi mencari alternatif penjimatan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan.

Beliau turut memaklumkan akan membawa perkara tersebut ke Dewan Negara bagi memastikan kepentingan rakyat terus terpelihar.

"Keselamatan dan nyawa rakyat harus menjadi keutamaan tertinggi dalam setiap keputusan berkaitan belanjawan negara," tegasnya.

# Festival Muzik Air: Tindakan lewat kerajaan timbulkan persoalan - Dr. Wan Martina



Oleh: Syamimi Manah

**KUALA LUMPUR, 3 Mei** – Tindakan lewat kerajaan dalam menangani kontroversi Festival Muzik Air Rain Rave 2026 di Bukit Bintang pada 1 Mei menimbulkan persoalan, khususnya apabila teguran hanya dibuat ketika acara tersebut

hampir berakhir.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, walaupun beliau menyokong pendirian Timbalan Perdana Menteri YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang menegaskan kepentingan menghormati nilai agama, adab dan sensitiviti masyarakat, namun respon yang diberikan dilihat tidak tepat pada masanya.

Menurut Dr Wan Martina, festival berkenaan telah berlangsung sejak dua hari lalu dan dijadualkan tamat pada 2 Mei, namun arahan untuk meneliti semula penganjurannya hanya dikeluarkan pada saat akhir.

“Keadaan ini menimbulkan persoalan kerana tindakan yang diam-

bil seolah-olah bersifat ‘damage control’ dan tidak memberi kesan praktikal dalam membendung kebimbangan yang telah dibangkitkan lebih awal,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau turut merujuk kepada pandangan pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan yang sebelum ini telah menyuarakan kebimbangan terhadap penganjuran festival berkenaan.

Tambahnya, jika kerajaan benar-benar komited dalam menjaga keharmonian serta identiti negara, mekanisme penapisan dan kelulusan acara perlu diperketatkan di peringkat awal, bukan hanya sele-

pas isu menjadi tular.

“Kerajaan tidak boleh terus bersikap reaktif dalam isu melibatkan sensitiviti agama dan moral. Pendekatan lebih proaktif perlu diambil bagi mengelakkan perkara sama berulang pada masa hadapan,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa pihak berkuasa tempatan serta kementerian berkaitan agar lebih peka dan mengambil kira pandangan pihak berkuasa agama sebelum meluluskan sebarang permit penganjuran acara.

“Janganlah nilai moral masyarakat tergadai hanya kerana ingin mengejar label kemajuan atau liberalisasi hiburan yang tidak terkawal,” tegasnya.

## Kelantan Sertai Thailand–Malaysia Cultural 2026 perluas kerjasama pelancongan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM, 3 Mei** — Penyertaan Kerajaan Negeri Kelantan dalam program Thailand–Malaysia Cultural 2026 di Wilayah Narathiwat membuka ruang memperluaskan kerjasama dua hala dalam sektor pelancongan dan kebudayaan antara Malaysia dan Thailand.

Program anjuran Narathiwat Provincial Office of Tourism and Sports itu menjadi platform strategik mempererat hubungan serantau melalui pertukaran budaya serta promosi pelancongan rentas sempadan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, penglibatan Kelantan dalam program tersebut merupakan langkah signifikan dalam memperkukuh jaringan kerjasama dua hala, khususnya dalam bidang pelancongan dan kebudayaan.

Menurutnya, antara pengisian utama program termasuk persembahan pentas seni budaya, pameran makanan tradisional serta penyeritaan produk tempatan yang berpotensi diketengahkan kepada pelancong antarabangsa.

“Antara pengisian utama pro-



gram ini termasuk persembahan pentas yang menyetengahkan keunikan seni budaya, pameran makanan tradisional serta penyeritaan produk tempatan yang berpotensi besar untuk diketengahkan kepada pelancong antarabangsa,” katanya dalam kenyataan media,

semalam.

Tambahnya, penganjuran program seumpama itu dijangka menarik kehadiran pelancong dari kedua-dua negara, sekali gus merencanakan sektor pelancongan rentas sempadan yang menjadi antara pemacu ekonomi penting di rantau

ini.

“Penyertaan ini bukan sahaja membuka ruang promosi kepada keunikan budaya Kelantan, malah memperkukuh jaringan kerjasama pelancongan serantau yang lebih mampan dan berdaya saing,” jelasnya.

# Ride Salor Prihatin himpun lebih 40 anak muda, santuni enam rumah asnaf

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 3 Mei** – Program Ride Salor Prihatin Bersama YB Abe Joe berjaya menghimpunkan lebih 40 anak muda dan menyantuni enam buah rumah asnaf di sekitar DUN Salor, bagi misi kebajikan.

Program bermula seurus selepas solat Asar di Masjid Repek sebelum konvoi anak muda bergerak ke beberapa lokasi terpilih bagi menyampaikan bantuan kepada golongan memerlukan di kawasan berkenaan, sempena cuti am Hari Pekerja serentak dengan cuti hujung minggu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor YB Mohd Saizol Ismail berkata, program tersebut memberi peluang kepada anak muda untuk turun padang bersama pemimpin dan melihat sendiri keadaan kehidupan masyarakat yang kurang berkemampuan.

“Alhamdulillah saya bersama anak muda pusing DUN Salor, juga menyerahkan zakat kepada asnaf



Terima kasih kepada semua staf Pusat Khidmat DUN dan penyumbang iaitu Air Kelantan Sdn Bhd,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, pada Jumaat.

Menurutnya, pengalaman menziarahi sendiri kediaman asnaf memberi kesedaran mendalam kepada peserta khususnya golongan muda mengenai realiti kehidupan sesetengah masyarakat.

“Kadang-kala kita tidak tahu kesukaran dalam masyarakat kecuali kita jejak kaki ke rumah mereka. Anak-anak muda ini, walaupun nampak lasak, sebenarnya memiliki jiwa yang mudah simpati dan prihatin,” jelasnya.

Program berkenaan melibatkan lawatan ke tiga mukim iaitu Mukim Dewan Beta, Mukim Stan dan Mukim Beta Hulu, dengan dua buah rumah asnaf diziarahi di setiap mukim menjadikan keseluruhan enam rumah menerima kunjungan.

Dalam setiap lawatan, bantuan berbentuk wang tunai serta pek barangan keperluan asas turut disampaikan kepada keluarga terlibat.

“Antara barangan yang diagihkan termasuk beras, bihun, gula, tepung gandum, minyak masak, sardin, teh, susu dan biskut” jelasnya.

Tambahnya, walaupun program




tersebut dilaksanakan secara santai tetap memberi impak besar dari sudut keprihatinan sosial dan pembentukan jati diri anak muda.

“Insyallah, moga menjadi amal walaupun sekadar santai. Dalam kehidupan ini, setiap amalan boleh menjadi ibadah jika dilakukan dengan cara yang betul,” katanya.

Program berkenaan turut diakhiri dengan sesi santai dan mengopi bersama anak muda di sebuah kedai murtabak dan roti canai, sebagai ruang interaksi santai antara pemimpin dan peserta selepas selesai keseluruhan aktiviti ziarah kebajikan.

## Polis disaran buka semula siasatan dokumen asal tanah Gua Musang - YB Hilmi



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM, 6 Mei** – Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menyarankan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka semula fail siasatan berkaitan dakwaan pemberian tanah di Bandar Gua Musang pada tahun 2018 dengan merujuk kepada dokumen asal hak milik tanah bagi memastikan fakta sahih diperoleh.

Beliau berkata, tindakan itu

penting kerana dakwaan kononnya Kerajaan Negeri Kelantan menganugerahkan tanah berkenaan kepada syarikat bukan Melayu secara pegangan kekal pada tahun 2018 adalah tidak tepat dan bercanggah dengan rekod sebenar pemilikan tanah tersebut.

“Namun begitu, kita akan meneliti semula tindakan susulan termasuk dari sudut perundangan terhadap pihak yang menyebarkan maklumat tidak tepat.

“Kita juga berharap pihak polis dapat membuka semula fail dan melengkapkan kertas siasatan dengan merujuk kepada dokumen asal hak milik supaya fakta sebenar dapat diperjelaskan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, rekod Pejabat Tanah dan Galian Kelantan menunjukkan tanah terbabit sebenarnya telah diberi milik seawal 21 Januari 1930 kepada Duff Development Company Limited ketika era pentadbiran British, sebelum penguatkuasaan

Enakmen Rizab Melayu 1930.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa hak milik tersebut kemudiannya disambung pada tahun 1938 sebelum melalui beberapa proses pindah milik termasuk kepada Kiat Sing Realty Development pada 1964 serta beberapa transaksi lain selepas itu tanpa penglibatan kerajaan negeri dalam urusan jual beli berkenaan.

“Tanah tersebut telah melalui proses pecah sempadan dan pembangunan melibatkan kawasan perumahan, rumah kedai dan kemudahan awam sejak sekian lama,” jelasnya.

Tambahnya, pembangunan di kawasan berkenaan turut memberi manfaat kepada rakyat termasuk pembinaan Masjid Buluh, Muse Ecopark, tapak tahfiz sains seluas 15 ekar, tapak sekolah rendah, masjid, surau, taman rekreasi serta 600 unit rumah kos rendah bernilai RM45,000.

Dalam masa sama, beliau me-

negaskan kerajaan negeri sentiasa memastikan pembangunan tanah milik bukan Melayu memberi pulangan terbaik kepada masyarakat setempat khususnya dalam memperkukuh semula pemilikan dan manfaat kepada orang Melayu.

“Kita mengalu-alukan pelaburan daripada mana-mana pihak, tetapi mestilah mematuhi dasar negeri dan memberi manfaat kepada rakyat,” ujarnya.

Sebelum ini, Ketua Penerangan Pemuda Umno Jeli Wan Mahussin Wan Zain mendakwa kerajaan negeri mengurniakan tanah di Bandar Gua Musang kepada sebuah syarikat dengan pegangan selama-lamanya pada tahun 2018.

Bagaimanapun, semakan rekod mendapati status pegangan kekal tanah berkenaan telah wujud sejak pemilikan asal pada tahun 1930 dan semua proses pindah milik serta pembangunan dibuat mengikut peruntukan undang-undang tanah yang berkuat kuasa.

# Imam, penternak perlu fahami pengurusan penyembelihan halal

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 7 Mei — Imam masjid dan penternak ruminan perlu memahami aspek pengurusan penyakit ternakan serta penyembelihan halal secara menyeluruh bagi menjamin keselamatan makanan dan kesihatan masyarakat.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kefahaman berkaitan kedua-dua aspek tersebut penting dalam memastikan pengurusan bekalan makanan sentiasa mematuhi syariat dan piawaian kesihatan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Kursus Asas Pengenalan Penyembelihan Halal dan Pengurusan Penyakit Ternakan kepada Imam Masjid Seluruh Negeri Kelantan dan Penternak Tahun 2026 di Dewan Majlis Daerah Machang, di sini, hari ini.

Menurutnya, pengurusan penyakit ternakan tidak boleh dipan-



dang ringan kerana ia memberi kesan langsung terhadap keselamatan makanan serta kesejahteraan masyarakat.

“Peranan imam sebagai pemimpin masyarakat amat penting dalam menyampaikan ilmu dan memberi kefahaman kepada masyarakat setempat.

Begitu juga para penternak yang menjadi tulang belakang dalam memastikan bekalan makanan yang halal dan selamat,” jelasnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa kursus tersebut menjadi platform penting dalam memperkukuh kefahaman peserta berkaitan penyembelihan halal dan pengurusan penyakit ternakan selaras dengan tuntutan syarak serta keperluan semasa industri agromakanan.

Dalam masa sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program berkenaan, khususnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

Tambahnya, kursus itu diharap dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran peserta sebelum diaplikasikan dalam komuniti masing-masing.

Turut hadir, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Mohamed Fadzli Hassan, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Mohd Hariff Ghazali, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Yahasmida Yaacob dan ketua Jajahan Machang Mohd Zamri Ibrahim.

## Kalendar Acara Kelantan 2026 kembali dengan tema “Indahnya Kelantan”



<p><b>1</b> HIMPUNAN VOLKANISME 2026</p> <p><b>2</b> SENI SILAT JATIH NEGERI KELANTAN 2026</p> <p><b>3</b> FESTIVAL SILANG BUKAH KELANTAN 2026</p> <p><b>4</b> FESTIVAL KEBUDAYAAN &amp; KESENIAN RAKYAT @MACHANG PAINGAN 2026</p> <p><b>5</b> FESTIVAL SILAT ANTARABANGSA KELANTAN 2026</p>	<p><b>6</b> KARNIVAL SUKAN USARA 2026</p> <p><b>7</b> DAYA FEST</p> <p><b>8</b> CHALLENGED MALAYSIAN BRIDGE INTERNATIONAL RUN</p> <p><b>9</b> COFFEE WEEK 2026</p>	<p><b>10</b> SUKAN ROCK CLIMBING 2026</p> <p><b>11</b> PESTA TOK LUTIP 2026 (AGROTURISME)</p> <p><b>12</b> PEREMONGAN PERLUBANGAN PERAHU KOLEK 2026</p>
<p><b>13</b> KECOHAN DRONE RACING KELANTAN 2026</p> <p><b>14</b> HIMPUNAN SENI &amp; BUDAYA KELANTAN 2026</p> <p><b>15</b> BATH FUN RUN 2026</p> <p><b>16</b> PESTA MAMAK PAJAT 2026</p>	<p><b>17</b> FESTIVAL GENDANG ANTIKULTURAL RUN</p> <p><b>18</b> PESTA BERKAIT JELI 2026</p> <p><b>19</b> KELANTAN ART &amp; CULTURE FESTIVAL</p> <p><b>20</b> PESTALAN PANTAN KANDOR 2026</p> <p><b>21</b> PESTA BARIH 2026</p> <p><b>22</b> PESTA MANGROVE 2026</p>	<p><b>23</b> SUKAN BEACH SURF COMPETITION</p> <p><b>24</b> MAMAKAN MESTER TENGGALAH</p> <p><b>25</b> MALAYSIA Year End Sales (MYES)</p>
<p><b>26</b> BOLA TAMAR PANTAN 2026</p> <p><b>27</b> MUSEUM CHALLENGE 2026</p> <p><b>28</b> MONSOON RUN</p>	<p><b>29</b> 4 X 4 GUA MUSANG CHALLENGE</p>	



memeriahkan “Indahnya Kelantan 2026” dengan menerokai keindahan negeri yang kaya dengan seni, budaya, makanan tradisional serta terkenal dengan keramahan rakyatnya.

“Kelantan menanti anda dengan pengalaman yang tidak dapat dilupakan,” ujarnya.

Antara program pelancongan yang bakal memeriahkan Calendar of Event Kelantan 2026 termasuk Pesta Makanan @ Sedap Sengoti yang menampilkan kepelbagaian juadah tradisional negeri, Pesta Wau Antarabangsa 2026 sebagai acara ikonik yang menarik penyer-taan dari dalam dan luar negara, serta Luncur Perahu di Danau To’ Uban yang mengetengahkan keunikan sukan air tradisional.

Selain itu, Kelantan Art and Culture Festival turut dianjurkan bagi menghimpunkan penggiat seni tempatan dan antarabangsa, manakala Himpunan Seni dan Budaya Kelantan menjadi platform memperkukuh warisan seni serta identiti budaya negeri.

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 6 Mei – Kalendar acara Kelantan (Calendar of Event Kelantan) 2026 kembali dengan tema “Indahnya Kelantan” bagi menghimpunkan pelbagai acara menarik sepanjang tahun yang merangkumi sektor pelancongan, kebudayaan, kesenian, warisan serta komuniti.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, setiap

program yang dirangka bertujuan menonjolkan keunikan Kelantan di samping memberikan pengalaman berbeza kepada pengunjung dari dalam dan luar negara.

Menurutnya, penganjuran kalendar acara itu bukan sahaja memperkukuh identiti negeri sebagai destinasi pelancongan berteraskan budaya, malah menjadi platform untuk merencanakan ekonomi setempat melalui penglibatan komuniti.

“Daripada Kota Bharu sebagai

nadi budaya, keindahan pantai di Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh, kehijauan alam semula jadi di Jeli, Gua Musang dan Kuala Krai.

Pesona tradisi di Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang, serta pembangunan komuniti dan rekreasi di Rantau Panjang dan kawasan sekitarnya—semuanya menawarkan tarikan tersendiri yang memikat hati pelancong,” katanya menerusi laman rasmi, hari ini.

Beliau turut mempersilakan orang ramai untuk bersama-sama

# Halal, keselamatan makanan agenda serius kerajaan negeri - TMB Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**MACHANG, 7 Mei** — Kerajaan Negeri Kelantan memberi penegean serius terhadap kepentingan memperkukuhkan kefahaman berkaitan penyembelihan halal dan keselamatan makanan sebagai agenda penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat serta pematuhan terhadap tuntutan syarak terus dipelihara.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, isu halal dan keselamatan makanan adalah isu serius kerana melibatkan aspek hukum, kesihatan awam dan kebajikan haiwan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kursus Asas Pengenalan Penyembelihan Halal dan Pengurusan Penyakit Ternakan di Dewan Majlis Daerah Machang, di sini, hari ini.

Menurutnya, kefahaman yang tepat berkaitan penyembelihan halal perlu diperkukuhkan agar setiap amalan yang dilaksanakan benar-benar menepati hukum syarak dan standard keselamatan makanan yang ditetapkan.

“Dalam masa yang sama, sektor penternakan memainkan peranan penting dalam menjamin bekalan makanan negara. Oleh itu, penguurusan ternakan dan penyakit ter-



kan yang sistematik serta berkesan amat diperlukan bagi memastikan kualiti hasil ternakan sentiasa terjamin.

“Saya melihat penglibatan para imam dalam kursus ini sebagai satu langkah yang sangat baik kerana mereka merupakan agen penyampai maklumat kepada masyarakat berkaitan halal dan kebajikan haiwan,” katanya.

Tambahnya, ilmu berkaitan penyembelihan halal amat penting terutama menjelang sambutan Aidiladha yang memerlukan masyarakat memahami kaedah penyembelihan yang betul, selamat dan menepati syariat Islam.

Menurutnya lagi, terdapat beberapa penyakit bawaan haiwan

yang berpotensi menjangkiti manusia sekiranya proses penyembelihan tidak dilaksanakan dengan cara yang betul dan selamat.

“Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana ia bukan sahaja melibatkan kesihatan individu, malah turut memberi kesan kepada keselamatan awam secara keseluruhannya.

“Sehubungan itu, masyarakat hendaklah sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan termasuk mendapatkan permit sembelih daripada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan atau pihak penggawa sebelum sesuatu ternakan disembelih,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa Sijil Kesihatan Veterinar

“Sehubungan itu, masyarakat hendaklah sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan termasuk mendapatkan permit sembelih daripada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan atau pihak penggawa sebelum sesuatu ternakan disembelih,”

yang dikeluarkan oleh jabatan berkaitan menjadi bukti bahawa ternakan berada dalam keadaan sihat dan selamat untuk dimakan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata kerajaan negeri sentiasa komited memperkukuhkan sektor penternakan serta memastikan aspek halal terus dipelihara dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Turut dinyatakan ialah perancangan untuk menyediakan Rumah Sembelih Swasta di setiap jajahan akan terus diteliti sebagai langkah strategik ke arah memperkukuhkan sistem penyembelihan, meningkatkan kecekapan operasi serta menjamin pematuhan kepada piawaian halal yang ditetapkan.





PERAKAN 'rumah berteduh' anak Kelantan di perantauan

# Kuala Krai hab pelancongan sukan lasak 4x4

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KUALA KRAI, 3 Mei** — Kuala Krai terus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi sukan lasak dan eco-adventure berimpak tinggi apabila penganjuran 4x4 Kuala Krai Challenge 2026 di Dataran Hijau, Kampung Laloh, di sini, Jumaat lalu.

Acara itu berjaya menghimpunkan peserta dari Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan serta negara jiran Thailand, sekali gus menyerlahkan potensi daerah ini sebagai hab pelancongan berasaskan alam semula jadi dan aktiviti ekstrem.

Majlis perasmian program disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah yang mewakili Menteri Besar Kelantan, merakamkan penghargaan kepada gabungan NGO tempatan termasuk Lacar Group, PASAK, Task Force, Barracuda Adventure Team dan Kembara Kelate serta kerjasama Urus setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) yang menjayakan penganjuran program tersebut.

Menurutnya, kejayaan penganjuran edisi keempat itu membuktikan sinergi antara NGO, agensi kerajaan dan komuniti mampu



melahirkan acara berskala besar yang memberi impak kepada sektor pelancongan dan ekonomi setempat.

“4x4 Kuala Krai Challenge ini adalah simbol kekuatan semangat kebersamaan dan daya tahan masyarakat kita dalam pelbagai cabaran,” katanya.

Menurutnya, program tersebut turut menjadi platform memperkukuh ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan peserta, selain mempromosikan Kuala Krai sebagai destinasi pelancongan sukan permotoran di peringkat serantau.

Dalam perkembangan sama, beliau menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan

atas sumbangan RM50,000 bagi menyokong penganjuran program melalui portfolio Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat.

Selain itu, penglibatan komuniti 4x4 dalam pelbagai misi kemanusiaan turut diberi perhatian, termasuk operasi bantuan bencana dan program kebajikan masyarakat.

“Ketika bencana berlaku, mereka ini tampil membantu tanpa mengira penat lelah. Inilah nilai sebenar yang perlu kita suburkan,” jelasnya.

Penganjuran kejohanan ini turut memperkenalkan keunikan geografi Kuala Krai yang kaya dengan

keindahan flora dan fauna, sekali gus mengangkat imejnya sebagai destinasi eco-adventure yang semakin berkembang.

Beliau turut menegaskan bahawa nilai seperti disiplin, kesabaran dan semangat tolong-menolong yang dipupuk melalui sukan lasak menjadi asas kepada pembinaan masyarakat yang kukuh dan bersatu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman, Ahli Dewan Negeri (ADN) Manek Urai YB Mohd Fauzi Abdullah, Ketua Jajahan Kuala Krai Mohd Shaifudeen Salleh serta pemimpin tempatan dan wakil kelab 4x4.

